

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PERMOHONAN LESEN MINUMAN KERAS DI KUALA LANGAT

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan setiap satu permohonan Lesen Minuman Keras yang telah dikemukakan kepada Lembaga Perlesenan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat dan nyatakan sama ada permohonan itu diluluskan, ditolak dan ditangguhkan. Nyatakan sebab ditolak atau ditangguh untuk permohonan yang berkaitan.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lembaga Perlesenan Minuman Keras PDKL telah bermesyuarat pada 30.11.2018 dan telah menerima sebanyak 79 permohonan lesen yang terdiri dari permohonan lesen untuk Membaharui (Renew) dan Permohonan Baru seperti di Lampiran A & B.

Permohonan Membaharui Lesen (Renew)

Bagi Permohonanan Membaharui Lesen (Renew) sebanyak 62 lesen telah diluluskan daripada 74 permohonan dan tiada permohonan lesen yang ditolak. Hanya 12 permohonan yang ditangguhkan kerana perlu mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM dan MDKL untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.

Permohonan Baru Lesen

Bagi Permohonan Baru Lesen sebanyak 5 permohonan telah diterima dan telah diluluskan 2 permohonan manakala 3 permohonan telah ditolak atas sebab berikut :

1. Kedudukan premis bersebelahan dengan pelesen sedia ada.
2. Jumlah premis sedia ada di kawasan berkenaan adalah mencukupi.

Disertakan Ringkasan Senarai Permohonan Lesen Minuman Keras Daerah Kuala Langat bagi Tahun 2019.

**RINGKASAN SENARAI PERMOHONAN LESEN MINUMAN KERAS
DAERAH KUALA LANGAT BAGI TAHUN 2019**

BIL	JENIS LESEN	RUMAH AWAM KELAS 1	RUMAH AWAM KELAS 2	RUMAH AWAM KELAS 3	BORONG	RUNCIT	JUMLAH	LULUS	TOLAK	TANGGUH
1.	Permohonan Membaharui	4	1	1	10	58	74	62	0	12
2.	Permohonan Baru	0	0	0	1	4	5	2	3	0
JUMLAH							79	64	3	12

**SENARAI PERMOHONAN MEMBAHARUI LESEN (*RENEW*) MINUMAN KERAS
DI DAERAH KUALA LANGAT**

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
1.	Malcolm Jeremy Ng Kwee Seng (K/P:860814-43-5645) Amverton Cove Golf & Island Resort Sdn .Bhd. PT673, Jalan Pulau Carey, Mukim Jugra, 42960 Pulau Carey	LULUS	RUMAH AWAM KELAS 1	
2.	Tamilarasan a/l Kangaderan (K/P: 750508-10-5093) Seltex Banting Trading, No.141, Jalan Bunga Pekan 2, 42700 Banting	TANGGUH	RUMAH AWAM KELAS 1	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
3.	Velah a/l Selluaras (K/P: 850301-10-5537) Hot Spot Musica DLite Enterprise No.26A, Jalan Bunga Pekan 4, 42700 Banting.	LULUS	RUMAH AWAM KELAS 1	
4.	SreeDevi a/p Krishnan (K/P: 731206-07-5438) Barista Ventures Sdn Bhd No.221 A, Jalan Bunga Pekan 42700 Banting	LULUS	RUMAH AWAM KELAS 1	
5.	Tan Tin Son (K/P: 500923-10-5523) Kedai Runcit Soon Kee Lot 454, Batu 14 ½ , Jalan Banting,42600 Jenjarom	LULUS	RUMAH AWAM KELAS 2	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
6.	Tong Nam Chau (K/P: 540326-10-5281) Tong Lee Coffee & Bar No.384, Jalan Sultan Abdul Samad, 42700 Banting	LULUS	RUMAH AWAM KELAS 3	
7.	Eliyarajah a/l Palanisamy (K/P: 780330-10-6095) Seven Hill Trading, No.30, Jalan BB ½, Taman Banting Baru, 42700 Banting.	TANGGUH	BORONG	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
8.	Subramaniam a/l Ramasamy (K/P: 620820-08-5829) Lot. 215, Jalan Bandar Lama, 42500 T.P.G	LULUS	BORONG	
9.	Eliyarajah a/l Palanisamy (K/P: 780330-10-6095) Seven Hill Trading, No.30, Tingkat Bawah, Jalan Sejahtera, Sungai Jarom, 42600 Jenjarom	LULUS	BORONG	
10.	Yeo Teck Lai (K/P: 690829-10-6167) Chop Lian Hup No.S-39, Jalan Sekolah Sg.Jarom,42600 Jenjarom	LULUS	BORONG	
11.	Tee Siong Boon (K/P:671122-10-5175) Chop Sin Joo Seng Lot 3536(3) Jalan Telok Mengkuang42500 T.P.G	TANGGUH	BORONG	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
12.	Tee Swee Seng (K/P:630602-10-7793) Kwong Chye Yeun Chan No.6, Jln Bunga Pekan 5, Kawasan 6,42700 Banting	LULUS	BORONG	
13.	Liow Chong Eng (K/P: 740413-11-5673) Hong Eng Trading No.6n Jalan 3, Taman Aman, Jalan Telok Mengkuang,4250 TPG	LULUS	BORONG	
14.	Lim Kian Chee (K/P: 420417-10-5037) Chop Hup Huat, No.9, Jalan Suasa Kaw.Perindustrian, 42700 Banting.	LULUS	BORONG	
15.	Lim Kia Chet (K/P: 800819-10-5253) Sin Chan Huat (Banting) Sdn Bhd Lot 302, 1 KM Jalan Sultan Abdul Samad, 42700 Banting	LULUS	BORONG	
16.	Tamilarasan a/l Kangaderan (K/P: 750508-10-5093) Seltex Banting Trading No.141, Jalan Bunga Pekan 2, 42700 Banting	TANGGUH	BORONG	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
17.	Kasturi a/p Devaraji (K/P: 860828-43-5400) No.82, Jalan Besar, 42500 T.P.G	LULUS	BORONG	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
18.	Tamiliarasan a/l Kangaderan (K/P: 750508-10-5093) Seltex Banting Trading No.141, Jalan Bunga Pekan 2, 42700 Banting	TANGGUH	RUNCIT	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
19.	Sangar a/l Muniandy (K/P: 730415-10-5125) Kedai Runcit Jharswin No.77 Jalan Toman Taman Sri Putra, 42700 Banting	LULUS	RUNCIT	
20.	Tan Kee Hock (K/P:580911-10-5529) Hai-O Raya Bhd 190, Ground Floor Jln Sultan Abdul Samad, Taman Sari, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
21.	Tan Tin Son (K/P:500923-10-5523) Kedai Runcit Soon Kee Lot 454, Bt 14 ½ Jalan Banting 42600 Jenjarom	LULUS	RUNCIT	
22.	Mokhanadas a/l Munusamy (K/P: 911226-10-5815) Thanaletchumy Mini Market Lot 314, Jalan Bandar Lama, 42500 T.P.G	LULUS	RUNCIT	
23.	Thennarasu a/l Kandasamy (K/P: 641005-10-5937) PASAR RAYA MEGAH KTL Lot 25, No.8 & 10, Jln BB ½	LULUS	RUNCIT	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
	Taman Banting Baru, 42700 Banting.			
24.	Tamilarasan a/l Kangaderan (K/P: 750508-10-5093) Seltex Banting Trading No.141, Jalan Bunga Pekan 2, 42700 Banting	TANGGUH	RUNCIT	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
25.	Wong Kee Foo (K/P: 730804-10-5049) Fong Lee Spirits Trading No.175-B, Jalan Besar, 42800 Tanjung Sepat	LULUS	RUNCIT	
26.	Parvathy a/p S.Kumarasamy (K/P:680827-10-6156) No.3, Jalan BB 1/6 Bandar Baru Banting, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
27.	Punithawathy a/p Tarakrishnan (K/P:780130-10-5610) Niveetha Mini Market No.25, Jalan Mentari 1B/7 Bandar Mahkota, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
28.	Chan Pei Fern (K/P: 920609-10-5964) Jin Ji Trading No.5, Jalan Desa 1 Taman Seri Desa Tongkah, 42700 Banting	LULUS	RUNCIT	
29.	Basundy a/p Ramasamy (K/P:760809-10-5774) RPV Mini Market Lot 318, Jalan Bandar Lama, 42500 T.P.G	LULUS	RUNCIT	
30.	Lee Thiam Wah	LULUS	RUNCIT	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
	(K/P:640430-10-6493) 99 Speedmart Sdn Bhd No.43,75&77, Jalan Besar, Pekan T.P.G.			
31.	Lee Thiam Wah (K/P:640430-10-6493) 99 Speedmart Sdn Bhd No.23&25&27, Jln Bacang 17 Sg.Lang,Taman Seri Jarum, 42600 Jenjarom	LULUS	RUNCIT	
32.	Lee Thiam Wah (K/P:640430-10-6493) 99 Speedmart Sdn Bhd A1-O (TKT BAWAH) Jln Wisma Bangunan Wisma,42700 Banting	LULUS	RUNCIT	
33.	Chow Yeong Kwong (K/P: 610807-10-5339) Nam Wah Medical Shop 342, Jalan Sultan Abd Samad, 42700 Banting	LULUS	RUNCIT	
34.	Chin See Kan @ Chin Chow Lian (K/P:400404-10-5005) Chop Ban Tong Onn 328,Jalan Sultan Abdul Samad, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
35.	Kee Aik Hau (K/P: 771022-07-5843) GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd Lot. 555, Persiaran Kota Seri Langat 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
36.	Yong Boon Fa (K/P:530519-10-5043) Kedai Arak Boon Fa	LULUS	RUNCIT	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
	S-23, Jln Sekolah, 42600 Jenjarom			
37.	Poobalan a/l Veerappan (K/P:700711-10-5851) Pasar Mini Sri VP No.20, Jalan Kuini 2, Taman Sri Jarom, 42600 Kuala Langat	LULUS	RUNCIT	
38.	Kunalan a/l Ramasamy (K/P:791011-10-5013) Kedai Runcit & Makanan RS Kunalan No.2939, Jalan Engang, Batu 9, Kebun Baru,42500 T.P.G	LULUS	RUNCIT	
39.	Murugan a/l R.Letchumanan (K/P:720310-10-5103) MSA Enterprise No.15, Tingkat Bawah, Jln Pertiwi,Tmn Pertiwi 42500 T.P.G	LULUS	RUNCIT	
40.	Kasturi a/p Devaraji (K/P: 860828-43-5400)GVK Saranam Enterprise No.82 Jalan Besar,42500 T.P.G.	LULUS	RUNCIT	
41.	Vengatraman a/l Krishnan (K/P:740602-10-5293) Sri Chakra Mini Market No.47, Jln Pandan Taman Dato Hormat, 42500 T.P.G	LULUS	RUNCIT	
42.	Balasubramaniam a/l Murugon (K/P:511024-10-5419) MS Balasubramanaim Enterprise Lot.801, Batu 16 $\frac{3}{4}$, Jalan Klang Banting Lorong Sri Bala, Kg Sg Sedu	TANGGUH	RUNCIT	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
	42700 Banting			
43.	Subramaniam a/l Ramasamy (K/P:620820-08-5829) Lot.215, Jln Bandar Lama, 42500 T.P.G	LULUS	RUNCIT	
44.	Yong Teck Yee (K/P:760417-10-5185) Yong Life Medical Hall No.6, Jalan Cempaka Kaw 6 42700 Banting	LULUS	RUNCIT	
45.	Gunasekaran a/l Nallusamy (K/P:630810-10-6509) No.46, Kg, Tan Sri Manickavasagam, 42960 Pulau Carey	TANGGUH	RUNCIT	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
46.	Tee Seong Toon (K/P: 701105-10-5733) JS Hock Sdn Bhd No.31, Jln Palas 2, Tmn Dato Hormat, 42500 T.P.G	LULUS	RUNCIT	
47.	Koh Nyit Yew (K/P:730807-10-5167) Chop Tong Heng No.3, Ground Floor, Jalan Desa 1, Taman Seri Desa, Morib, 42700 Banting.	TANGGUH	RUNCIT	
48.	Siaw Seng Kong (K/P:640623-10-5059) Sheng Li Jia Trading SB No.26, Jalan Rambai 2, Taman Rambai Indah 42600 Jenjarom	TANGGUH	RUNCIT	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
49.	Ang Peng Hoo	LULUS	RUNCIT	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
	(K/P:580915-10-5665) Jazco Speedmart No.41 & 43, Jalan Ria, Taman Ria, 42600 Sg Jarom			
50.	Tee Swee Seng (K/P: 630602-10-7793)) Kwong Chye Yeun Chan No.6, Jln Bunga Pekan 5, Kaw 6,42700 Banting	LULUS	RUNCIT	
51.	Seow Kin Hock (K/P:740116-10-5589) Seow Kin Hock Lot 1036 (75) LD Batu Untung, 42800 Tanjung Sepat.	TANGGUH	RUNCIT	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
52.	Lim Ah Tee (K/P:530412-10-5051) Chop Lian Shin No.176, Jln Besar, 42800 Tanjung Sepat	LULUS	RUNCIT	
53.	Megala a/p T.Vijiyanthiran (K/P:750226-10-5140) Pasar Mini Divya No.172, Jln Panglima 2, Taman Emas, T.P.G	LULUS	RUNCIT	
54.	Senthamilarasu a/l Veerasingam (K/P:650130-08-5677) AJ Top Mini Market No.41, Jalan Dendang 9, Tmn Telok,42500 T.P.G	LULUS	RUNCIT	
55.	Gan Cheng Lien (K/P:580824-05-5295) Perniagaan Seng Lien No.83, Jalan Morib, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
56.	Ang Huat (K/P:571216-10-5493) Ang Huat Mini Market No.31, Jalan Baiduri, Taman Baiduri, 42700 Banting	LULUS	RUNCIT	
57.	Yong Kiap Hong @ Yong Yoon Long (K/P:500718-10-5321) Chop Yam Lee S-21, Jln Sekolah, Sungai Jarom, 42600 Jenjarom	TANGGUH	RUNCIT	Ditangguhkan bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
58.	Manimaran a/l Munusamy @ Ramasamy (K/P: 701127-10-5945) Munusamy & Son Enterprise Lot 98, Kampung Manickavasagam, Ldg Timor,42960 Pulau Carey	LULUS	RUNCIT	
59.	Lai Siah Yang (K/P:650505-10-5997) Econsave Cash & Carry (BT) SB Lot 2-14, Jln Suasa, Kaw Perindustrian PKNS, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
60.	Vasanthan a/l Ramanathen (K/P:830220-10-5879) Seven Pyramids Trading M7, Jalan Besar Jenjarom, 42600 Jenjarom	LULUS	RUNCIT	
61.	Vasanthan a/l Ramanathen (K/P:830220-10-5879) Seven Pyramids Trading No.6, Jalan Bunga Pekan, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
62.	Balakrishnan a/l Ramasamy	TANGGUH	RUNCIT	Ditangguhkan bagi mendapatkan

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
	(K/P:651204-10-5111) Balakrishnan Mini Market No.50, Jalan Pandan 4 Taman Dato Hormat 42500 Telok Panglima Garang			maklumat lanjut dari pihak PDRM (Polis) untuk dipertimbangkan semula oleh pihak Lembaga.
63.	Law Tiam Look (K/P:711206-10-5475) Hong Yang Liquor Sdn Bhd No.330, Lorong 18, Jalan Sekolah, 42600 Jenjarom	LULUS	RUNCIT	
64.	Chong Chun Wee (K/P: 680915-10-6965) Pasar Mini SK Chong No.27-B, Jalan Besar, 42800 Tanjung Sepat	LULUS	RUNCIT	
65.	Lau Chee Teng (K/P: 870216-05-5145) The Store (M) Sdn Bhd Lot 1256, Jalan Besar, 42700 Banting	LULUS	RUNCIT	
66.	Dato' Dr Chai Kee Kan (K/P: 671116-13-5159) KK Supermart & Superstore SB No.281, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
67.	Dato' Dr.Chai Kee Kan (K/P:671116-13-5159) KK Supermart & Superstore SB No.32, Jalan SPU 1, Bandar Saujana Putra 42610 Jenjarom	LULUS	RUNCIT	
68.	Suganya a/p Subramaniam	LULUS	RUNCIT	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
	(K/P: 760719-14-5190) VT KLIK Enterprise No.233, Jalan Teluk Bunut Taman Delima, 42700 Banting			
69.	Ahnath a/l Subramaniam (K/P: 880215-05-5147) AKS Mini Market No.16, Jalan MJ 48 Taman Manggis Jaya, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
70.	Saraswathi a/p MaikelMuthu (K/P: 640326-10-6266) Sri Murni Mini Market No.27, Jalan Mentari 1B/7 Taman Mentari, Bandar Baru Mahkota 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
71.	Jayaram a/l Elumale (K/P: 761016-10-6149) AN Palani Enterprise No.22, Jln MJ 48 Taman Manggis Jaya, 42700 Banting.	LULUS	RUNCIT	
72.	Kanna a/l Krishnan (K/P: 901115-10-5397) Thatvamasi No.14, Jalan Bawal, Taman Mutiara, 42800 Tanjung Sepat	LULUS	RUNCIT	
73.	Pushparani a/p Sinniah (K/P: 571014-10-5460) Vinagarya Enterprise No. 16 G SP ½	LULUS	RUNCIT	

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS LESEN	CATATAN
	Bandar Saujana Putra, 42610 Jenjarom			
74.	Murugayah a/l Sengodan (K/P: 660629-10-5883) M & S Kabali Telok Enterprise No. 142, Jalan Utama 2, 42500 TPG	LULUS	RUNCIT	

LAMPIRAN B

SENARAI PERMOHONAN BARU LESEN MINUMAN KERAS
DI DAERAH KUALA LANGAT

BIL	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS	CATATAN
1.	Jeseph Lopez a/l Thomas Lopez (K/P: 650319-01-5533) No.8, Jln PP LSM, Pusat Pengangkutan LSM, Jalan Sijangkang Utama, 42500 Telok Panglima Garang.	LULUS	BORONG	
2.	Selvarani a/p Palanisamy (K/P: 750401-10-5990) Thala Thalpathi Enterprise No.S-8 GF, Jalan Sg Buaya, (Panggong Nika) Jenjarom 42600 Jenjarom	LULUS	RUNCIT	
3.	Kannaiyan a/l Perumal (K/P: 560205-10-5435) RKSA Enterprise No.17, Jalan Pertiwi, Taman Pertiwi 42500 Telok Panglima Garang	TOLAK	RUNCIT	Kerana kedudukannya bersebelahan dengan premis pelesen sediada.
4.	Hemnaathprabu Nair a/l Krishnan Nair (K/P: 931231-10-6335) Krishna Enterprise, No.14, Lot 955 Batu 26, Jalan Simpang Morib , 42700 Banting	TOLAK	RUNCIT	Jumlah premis sedia ada di kawasan berkenaan mencukupi.
5.	Sri Genesan a/l Panchannazan (K/P: 830324-10-5945)	TOLAK	RUNCIT	Jumlah premis sediada di kawasan berkenaan mencukupi.

BIL	MAKLUMAT PEMOHON	KEPUTUSAN LEMBAGA	JENIS	CATATAN
	Geev Trading No.1, GF, Jalan Desa Taman Sri Desa, Tongkah 42700 Banting			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : JALAN MENGHUBUNGI SUNGAI KELAMBU DAN GENTING SANYEN

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan bercadang untuk membina Jalan menghubungkan Sungai Kelambu dan Genting Sanyen yang menelan belanja RM11 juta. Apakah status projek ini pada masa sekarang?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.B., anggaran kos projek bagi membina jalan sambungan Sg. Kelambu ke Genting Sanyen adalah berjumlah RM120 juta bagi skop pembinaan jalan baru sepanjang 7km dan menaiktaraf jalan sediaada sepanjang 1.9km. Kos berjumlah RM11 juta diperuntukkan pada tahun 2019 untuk bayaran pengambilan tanah dan juga perunding. Projek ini dijangka tender pada Ogos 2019 dan pembinaan dijangka bermula pada awal tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PEMBINAAN MASJID CINA ISLAM DI BANDAR BARU KLANG

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tentang pembinaan masjid Cina Muslim yang diperuntukkan RM2.5 juta yang bakal dibina pada tahun 2019 di Bandar Baru Klang?

JAWAPAN:

- a) Lawatan kerja oleh pihak JKR ke China bersama wakil JAIS telah diadakan pada 12 hingga 17 Mac 2019 untuk melaksanakan kajian berkaitan seni bina dan reka bentuk masjid di Negara China dan kaedah pentadbiran serta pengurusan masjid. Projek dijangka akan ditenderkan pada akhir tahun ini oleh pihak JKR.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : BAHASA-BAHASA ETNIK RUMPUN MELAYU

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Selangor dalam memulihkan pembelajaran bahasa-bahasa etnik rumpun Melayu yang dikhuatiri akan pupus dalam masa 20 tahun?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) belum merangkakan atau merancang secara khusus program pemulihan pembelajaran bahasa-bahasa etnik Melayu. Walau bagaimanapun etnik-etnik rumpun Melayu yang terdiri diantaranya etnik Bugis, etnik Jawa, etnik Minangkabau, etnik Banjar, etnik Mendeleng, etnik Rawa dan sebagainya telah pun menubuhkan pertubuhan atau persatuan masing-masing di peringkat kebangsaan yang mana mempunyai cawangannya di Negeri Selangor. Melalui persatuan-persatuan ini mereka telah pun menganjurkan berbagai-bagai aktiviti yang mana salah satunya adalah untuk memperkukuhkan bahasa ibundanya di kalangan ahli-ahlinya.

Usaha-usaha PADAT dalam pengukuhan bahasa ini dibuat secara tidak langsung melalui persembahan lagu, puisi, sayumbara dan sebagainya. Untuk tujuan pemerksaan bahasa ini, pihak PADAT mengusulkan agar semua pertubuhan-pertubuhan tersebut yang merangkakannya. Sungguhpun demikian PADAT berlapang dada untuk memberikan kerjasamanya dan membantu pelaksanaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : RIZAB TUNAI DAN KEWANGAN MDKL

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak rizab tunai yang berada dalam simpanan MDKL sehingga sekarang?
- b) Berikan analisa terhadap trend kutipan hasil dan perbelanjaan dan liabiliti yang ditanggung MDKL untuk tempoh lima tahun kebelakangan ini dengan penjelasan terhadap sebarang kenaikan atau penurunan yang drastik.

JAWAPAN:

- a) Rizab simpanan MDKL sehingga 30 Disember 2018 adalah sebanyak RM50,380,360.
- b) Trend kutipan Hasil dan Perbelanjaan dan Liabiliti yang ditanggung oleh MDKL

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER

	2014	2015	2016	2017	2018 (Belum Audit)
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
PENDAPATAN					
60000 Hasil Cukai	28,528,335	30,072,139	30,379,067	32,465,872	34,352,997
70000 Hasil Bukan Cukai	16,115,663	24,367,900	29,940,917	21,103,693	25,598,993
80000 Terimaan Bukan Hasil	43,871,031	30,684,912	11,779,861	9,588,531	20,798,639
Jumlah Hasil	88,515,029	85,124,951	72,099,845	63,158,096	80,750,630
TOLAK					
PERBELANJAAN					
10000 Emolumen	13,413,354	13,891,398	15,822,310	17,387,555	16,308,269

20000	Perkhidmatan & Bekalan	52,426,470	48,214,183	26,691,926	29,991,220	44,329,564
40000	Pemberian & Kenaan Tetap	3,037,786	2,969,069	3,505,660	3,371,271	3,499,901
50000	Lain-Lain perbelanjaan	477,954	462,765	506,256	543,443	112,096
	Jumlah Perbelanjaan	69,355,564	65,537,415	46,526,152	51,293,489	64,249,829
LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN		19,159,465	19,587,536	25,573,693	11,864,607	16,500,801

Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2018 bagi kod 20000 Perkhidmatan dan Bekalan berbanding tahun 2017 adalah disebabkan peningkatan terimaan bantuan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PEMBINAAN JENJANTAS DI JALAN BATU UNJUR

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat banyak flat dan sebuah sekolah vokasional di Jalan tersebut. Adakah JKR dapat membina dua buah jejantas di jalan tersebut untuk keselamatan penduduk?

JAWAPAN:

- a) Jalan Batu Unjur ialah Jalan Persekutuan, FT 3218. Buat masa ini, tiada keperluan mendesak untuk menaiktaraf jalan ini. Walau bagaimanapun, pihak JKR Selangor akan membuat kajian awalan terhadap keperluan pembinaan dua (2) buah jejantas yang dicadangkan oleh pihak Y.B. Untuk makluman Y.B., permohonan pembinaan jejantas di Jalan Persekutuan perlu dimajukan kepada pihak Cawangan Jalan, JKR Malaysia untuk perancangan dan pelaksanaan projek. Projek akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PARIT DI MPK

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Parit/ longkang yang lebih dari 1.5m tidak akan diselenggara oleh KDEB. Oleh itu adakah pihak MPK akan menyelenggara dalam masa yang tertentu?
- b) Nyatakan jangka masa penyelenggaraan parit/ longkang yang lebih 1.5m.

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang akan menyelenggara sekurang-kurangnya 4 bulan sekali namun jika ada keperluan pihak Majlis akan menambah kekerapan pembersihan dengan bantuan '*in house*' Majlis.
- b) Majlis Perbandaran Klang telah mengeluarkan sebanyak 21 kerja pembersihan parit yang melebihi 1.5 meter yang bermula Mei 2018 dan akan berakhir pada Mei 2019. Pihak Majlis akan membuat lantikan baru untuk kontrak bermula Jun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Peruntuk MARRIS untuk setiap DUN adalah RM3 juta. Adakah Kerajaan Negeri dapat menambah peruntukan tersebut ke RM5 juta setiap DUN memandangkan kos penyelenggaraan semakin tinggi?
- b) Bolehkah Kerajaan Negeri dapat menambah syarat dari menyelenggara ke menaiktaraf bagi peruntukan MARRIS?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 36/2018 yang bersidang pada 14 November 2018 telah meluluskan siling peruntukan MARRIS tahun 2019 berjumlah RM250.0 juta kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Daripada jumlah tersebut, peruntukan sebanyak RM168.0 juta adalah khusus untuk menangani aduan/ masalah kerosakan jalan yang dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri (ADN)/ Pegawai Penyelaras DUN. Ini bermakna, peruntukan MARRIS yang disediakan bagi menampung keperluan penyelenggaraan jalan di sesuatu Kawasan Dewan Negeri adalah melebihi daripada amaun RM3.0 juta yang disediakan khusus untuk aduan/ masalah kerosakan jalan yang dirujuk kepada ADN/Penyelaras DUN.
- b) Sebagai makluman, Pemberian Jalan Negeri atau sering dirujuk sebagai peruntukan *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri selaras dengan **Perkara 109 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan**. Perbelanjaan peruntukan ini adalah bagi maksud aktiviti penyelenggaraan jalan sahaja seperti skop kerja yang dibenarkan di bawah Perenggan 11, Garis Panduan Pengurusan Penyelenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) yang berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Perenggan 3 (b), Bahagian II, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan menjelaskan maksud penyelenggaraan jalan negeri seperti berikut:-

“Penyelenggaraan jalan-jalan Negeri ertinya pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, jejambat atau pemetung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung

dengannya dengan **seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina atau sebagaimana yang dibaiki kemudiannya.**”

Berdasarkan kepada fakta dan keterangan ini, Kerajaan Negeri tidak memiliki kuasa untuk menambah atau menukar syarat kegunaan peruntukan MARRIS bagi tujuan naik taraf kerana ia akan melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PARIT DI BELAKANG LORONG HILIR 8

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Parit tanah ini perlu dinaiktaraf ke longkang "*concrete U drain*" untuk mengatasi kehakisan tanah. Adakah pihak MPK/JPS akan melaksanakan dengan menggunakan peruntukan MARRIS?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang sedang menyediakan anggaran kos bagi kerja-kerja menaiktaraf longkang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : TELEKOM MALAYSIA (TM)

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tindak balas dari TM tidak begitu memuaskan. Apakah tindakan dari Kerajaan Negeri supaya dapat memberi tekanan kepada TM untuk bertindak cepat?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan kementerian untuk memastikan TM ataupun agensi swasta dapat menyelesaikan aduan dengan segera?
- c) Apakah cara yang boleh diguna untuk bekerjasama dengan kementerian?

JAWAPAN:

a, b dan c)

Secara khususnya Kerajaan Negeri tidak mempunyai kawalan terhadap Telekom Malaysia atau penyedia-penyedia perkhidmatan telekomunikasi (ISP) di Malaysia. Penyedia-penyedia perkhidmatan ini berada di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (KKMM).

Namun begitu Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (KKMM) melalui pendekatan mesyuarat/ perbincangan dalam memastikan segala perkhidmatan dan pembangunan telekomunikasi dan teknologi maklumat di Negeri Selangor mendapat perkhidmatan yang terbaik seiring dengan wawasan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Gagasan Smart Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : GATEWAY KLANG

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status *Gateway* Klang?

JAWAPAN:

a) **Keterangan SMG**

Projek:

Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang atau kini dikenali sebagai **Selangor Maritime Gateway (“SMG”)** merangkumi tiga (3) aktiviti utama yang sedang dan akan dilaksanakan bagi tempoh 15 tahun bermula tahun 2017, iaitu:-

1) **Pembersihan**

Objektif: Memastikan Sungai Klang bersih daripada sisa pepejal terapung.

2) **Pemuliharaan**

Objektif: Meningkatkan kualiti air.

3) **Pembangunan**

Objektif: Merealisasikan nilai pembangunan di kawasan berpotensi di sepanjang Sungai Klang (*unlock value of potential development sites*).

Pemaju:

Keputusan MMKN Ke 7/2018 pada 7 Mac 2018 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 8/2018 pada 14 Mac 2018 telah meluluskan supaya Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB), syarikat milikan penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI), sebagai *Master Developer* bagi melaksanakan projek-projek di bawah SMG.

Status Projek SMG

1) **Pembersihan** sungai bertujuan untuk menyekat dan mengeluarkan sampah terapung dari sungai melalui pemasangan tujuh (7) perangkap sampah (*log boom*) di lokasi strategik berdasarkan kajian hidraulik di sepanjang 56km Sungai Klang dan *tributaries*. Perangkap sampah di

Sungai Kandis telah disiapkan pada April 2018 dan sedang beroperasi sepenuhnya. Tambahan pemasangan enam (6) perangkap sampah baharu di peringkat akhir pembinaan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Suku ke-2 tahun ini.

Dalam tempoh dua (2) tahun semenjak Februari 2017 hingga Januari 2019, sebanyak 44,078 Metrik Tan (MT) sisa pepejal terapung telah dikeluarkan daripada jajaran sepanjang 56 km Sungai Klang bermula di sempadan KL/PJ sehingga ke muara sungai.

2) **Pemuliharaan** Sungai Klang melibatkan dua (2) komponen atau aktiviti utama iaitu:-

- i. Pemuliharaan bekas tapak pelupusan sisa pepejal Telok Kapas, Klang

